

**NO. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG-GIAW [KEPONG]**

**TARIKH : 12 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10558**

**SOALAN : Dr. Tan Seng-Giaw [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keadaan terkini ancaman pengganasan seperti IS atau DAESH dalam dan luar negara.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa berusaha dan mengambil tindakan penguatkuasaan sewajarnya dalam menentukan negara ini terus bebas daripada sebarang ancaman keselamatan termasuk ancaman pengganas. Seramai 382 orang elemen pengganas Daesh di negara ini telah ditangkap sehingga 21 Februari 2018. Selain itu, PDRM juga berjaya menggagalkan 18 percubaan mereka untuk melancarkan serangan sejak Februari 2013.**